

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 20 BILANGAN 4 RABU 22HB. JANUARI, 1975.

1395 رابو 9 محرم PERCHUMA



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

LANTEKAN M.B. DAN S.U.K. DI-TETAPKAN MULAI 1HB JULAI 1974

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan menetapkan perlantikan Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail sa-bagai Menteri Besar dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar sa-bagai Setia Usaha Kerajaan.

Satu surat keliling yang di-keluarkan oleh Pejabat Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa kedua2 lantikan itu berjalan kuatkuasa-nya mulai 1hb. Julai, 1974.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin telah di-lantek memangku jawatan Menteri Besar sejak 15hb. Julai 1972 manakala Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz di-lantek memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan sejak 16hb. Februari, 1973.



Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar.

PENGHARGAAN D.Y.M.M. TERHADAP PERKHIDMATAN DATO GAUTREY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Majlis Santapan bagi meraikan Dato Laila Utama Peter Gautrey dan Datin Gautrey telah di-adakan di-Istana Darul Hana di-sini pada malam Khamis lalu.

Dato Laila Utama Peter Gautrey telah menamatkan perkhidmatan-nya sa-bagai Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei sa-lama tiga tahun di-negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-majlis tersebut.

Dalam titah Baginda di-majlis itu, Baginda telah memberikan penghargaan terhadap perkhidmatan yang chemerlang yang di-berikan oleh Dato Laila Utama Peter Gautrey sa-masa beliau ber-

ada di-negeri ini sa-lama tiga tahun.

Baginda bertitah bahawa perkhidmatan beliau itu dengan gembira-nya di-mulakan dengan lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Y.T.M. Duke of Edinburgh dan Y.T.M. Princess Anne ka-Brunei dalam tahun 1972.

Lawatan Diraja British itu disifatkan Baginda suatu kenangan manis dalam sejarah negeri ini dan membuktikan perhubungan muhibbah dan persahabatan yang erat yang terjalin antara Negeri Brunei dan United Kingdom.

Duli Yang Maha Mulia juga berharap semoga tali persahabatan di-antara negeri ini dan United Kingdom akan di-pereratkan lagi dalam tahun2 yang akan datang.

Baginda juga berharap kepada Dato Laila Utama Peter Gautrey akan terus mengambil perhatian terhadap hal ehwal Brunei dan mengingati sahabat2 beliau di-negeri ini.

Akhir-nya Baginda mengucapkan terima kasih atas bantuan yang telah di-berikan-nya sa-masa berada di-negeri ini dan Baginda berdo'a supaya Dato dan Datin Gautrey akan mendapat kebahagiaan dalam lantekan yang baru itu.

Dato Laila Utama Peter Gautrey juga telah berucap di-majlis itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddini; D.Y.T.M. Paduka Seri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah; Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga telah hadir di-majlis tersebut.

(Lihat muka 8)



Che'gu Mahmud bin Lamat yang telah pulang ka-rumah-nya di-Kampung Lumapas bersama isteri, lima orang anak-nya serta ibu-nya.

Lagi penduduk yang lari balek ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang penduduk Kampung Lumapas yang pulang ka-Brunei bersama keluarga-nya pada malam Isnin menyatakan keadaan di-Limbang adalah terlalu burok dan menyebabkan beliau lebeh bersedia untuk di-tangkap di-Brunei dari terus tinggal di-Sarawak.

Che'gu Mahmud bin Lamat, 32 tahun, merasa begitu gembira apabila beliau mendapati bahawa beliau bukan saja tidak di-tangkap di-Brunei malahan telah di-galakkan untuk kembali ka-rumah-nya yang di-tinggalkan tujuh bulan yang lalu dan memulakan satu penghidupan yang baru.

Che'gu Mahmud lari dari Lumapas dan meninggalkan pekerjaan sa-bagai sa-orang guru dengan gaji \$585.00 di-Sekolah Melayu di-kampung itu pada bulan Jun 1974 kerana beliau di-beritahu sa-chara palsu yang dia akan di-tangkap kerana membantu adek ipar perempuan-nya lari ka-Limbang untuk menyertai keluarga-nya yang juga telah melarikan diri terdahulu sa-belum itu.

Beliau pulang ka-Brunei bersama isteri, lima orang anak dan ibu-nya yang berusia 62 tahun.

"Mulai sa'at kami tiba di-Limbang dan menyaksikan keadaan burok di-khemah2 itu, kami berasa ingin pulang ka-Brunei, tetapi takut akan di-tahan oleh pihak yang berkuasa di-Limbang".

Di-sebabkan oleh rasa takut itu-lah Che'gu Mahmud dan keluarga menyusup menyeberangi sempadan dan terpaksa meninggalkan kebanyakan kanak-kanak di-pakaian anak2 mereka.

Berita palsu meyakinkan beliau bahawa dia akan di-tangkap sa-baik2 sahaja mereka pulang ka-Brunei. Beliau mendapati ini

ada-lah semata2 tidak benar. Kerajaan Brunei telah berulang kali telah menyatakan bahawa sa-siapa yang pulang ka-negeri ini tidak akan di-tangkap kechuali apabila mereka telah mengambil bahagian dalam sebarang kegiatan2 jenayah atau subversive.

Che'gu Mahmud berkata dalam bulan Jun, 1974 beliau telah mem-

(Lihat muka 8)

Buku RKN mula di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Ranchangan Kemajuan Negara bagi tahun 1975 hingga 1979 boleh di-dapati dari Unit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan harga \$3.50 sen sa-naskah.

Buku tersebut mengandungi Ranchangan2 Kemajuan Negara Yang Ketiga dan di-jual di-waktu2 pejabat di-buka.



Dato Laila Utama Peter Gautrey melambai2kan tangan meng-ucapkan selamat tinggal.

CHABARAN HIDUP HENDAK-LAH DI-TEMPOH DGN SEMANGAT DAN AZAM YANG BARU

KUALA BELAIT. — Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'far menyatakan bahawa segala chabaran2 hidup yang penuh dengan serba keolahan ini hendaklah di-tempohi dengan semangat dan azam yang baru demi kebaikan periabdi umat Islam, ugama, bangsa dan tanah ayer yang di-chintai ini.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan majlis sambutan Awal Muharam 1395/1975 bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Kuala Belait pada minggu lalu.

Di-samping itu tambah beliau, kita hendaklah sama2 menyedari akan tanggung-jawab kita terhadap masyarakat dan negara, sentiasa mempunyai semangat tolong menolong dan saling mema-hami antara satu sama lain serta patoh kepada undang2, kerana telah tiba masa-nya untuk umat Islam memberi contoh sa-telah puas meniru contoh.

Akhir-nya beliau berseru kepada masyarakat Islam di-negeri ini supaya menjadikan tahun baru ini sa-bagai mengu-rak langkah untuk melipat gandakan usaha2 yang berke-bajikan dan sama2 menyukong ranchangan2 Kerajaan Keba-wah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang sentiasa bertujuan bagi memperbaiki taraf hidup raayat dan penduduk negeri ini.

Turut juga berucap di-majlis itu ia-lah Penguasa Pe-nerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dan Pemangku Kadzi Daerah Belait, Awang Metussin bin Haji Baki.

Kemunchak pada malam sambutan itu ia-lah peraduan membacha sajak.

Keputusan-nya ada-lah sa-perti berikut:

Bahagian lelaki: Pertama — Awang Malai Hanafiah bin Syed Haji Ahmad dari Sekolah Ugama Mohd. Alam, Seria, kedua Awang Jaini bin Md. Taib dari Persatuan Belia Belait (Pembela) dan ketiga Awang Julaihi bin Hidup dari Sekolah Ugama Mohd. Alam, Seria.

Bahagian perempuan: Per-tama — Dayang Norhayati binte Hamdi dari Persatuan Belia Belait (Pembela); kedua Dayang Noraini binte Hamdi dari Sekolah Ugama Pekan Belait dan tempat ketiga Da-yang Fatimah binte Linaf dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Pemenang pasokan terbaik jatuh kepada Persatuan Belia Belait (Pembela).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.



Yang Berhormat Pehin Datu Imam Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang2 peraduan membacha sajak bahagian laki2. Gambar atas pemenang pertama Malai Hanafiah bin Syed Haji Ahmad dan gambar bawah pemenang kedua Awang Jaini bin Mohd. Taib.



Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned yang juga turut berucap di-majlis tersebut.

Ahli2 J/K baru Persatuan Trenkas Melayu

BANDA RSERI BEGAWAN. — Persatuan Trenkas Melayu Brunei dalam Meshuarat Agong-nya yang ke-V pada 3hb. Januari yang lalu telah memilih anggota Jawa-tankuasa Tertinggi persatuan itu bagi tahun 1975/76.

Awang Ibrahim bin Haji Md. Tinggal telah di-pilih sa-bagai Yang Di-Pertua sementara Pengiran Metarsad bin Pengiran Metas-san sa-bagai Naib Yang Di-Pertua-nya.

Setia Usaha Agong ia-lah Awang Abdullah bin Mohd. Tahir dan Awang Serudin bin Md. Tarif sa-bagai Timbalan Setia Usaha Agong. Bendahari — Awang Tamit bin Hanafiah dan Pemereksa Kira2 — Awang Ismail bin Apit.

Meshuarat itu telah memilih ahli2 jawatankuasa Amanah Tabong Pelaburan Ekonomi (TAPE) Persatuan Trenkas Melayu Brunei bagi dua tahun ia-itu 1974 hingga 1976.

Pengarah ia-lah Awang Abdul-lah bin Mohd. Tahir; Lembaga Pengarah I — Awang Ibrahim bin Haji Md. Tinggal; Lembaga Pengarah II — Awang Abd. Rahim Md. Walli; Setia Usaha — Pg. Metarsad bin Pg. Metas-san; Bendahari — Awang Tamit bin Hanafiah; Pemereksa Kira2 — Awang Ismail bin Apit dan Pembantu2 Umum — Pg. Noordin bin Pg. Haji Tengah dan Awang Haji Adnan bin Haji Manggong.

Gelanggang2 di-buka semula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan telah membuka semula gelang-gang2 badminton, sepak takraw dan bola keranjang serta meja2 ping pong kepada ahli2 persatuan2 belia, kebajikan dan sukan.

Dalam satu surat keliling-nya, jabatan itu menyatakan bahawa gelanggang badminton akan ter-buka tiap hari2 Isnin, Rabu, Khamis dan Sabtu.

Gelanggang sepak takraw boleh-lah di-gunakan tiap2 hari2 Selasa, Jumaat dan Ahad sementara ping pong boleh-lah di-adakan pada tiap2 hari.

Menurut surat keliling itu sa-pai yang ingin menggunakan gelang-gang2 itu untuk perlawanan bola keranjang ada-lah di-kehendaki mendapatkan kebenaran ter-lebih dulu.

Hanya ahli2 yang mempunyai dan menunjokkan kad ahli per-satuan saia yang akan di-benarkan menggunakan kemudahan2 itu.

Sementara itu, dewan dan kolam bernang di-tutup pada tiap2 hari selepas.



Pmk, Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Md. Ja'far ketika berucap sa-belum merasmikan sambutan itu.



Dayang Norhayati binte Hamdi yang telah memenangi tempat pertama peraduan membacha sajak bahagian perempuan.

(GAMBAR2 EHSAN JHEU/BP)

Lagi derma untuk stadium di-terima

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar selaku Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, telah menerima tiga derma yang berasingan berjumlah \$2,438.60 sa-bagai derma tabong tersebut.

Derma yang pertama sa-banyak \$2,200.00 di-terima dari Awang Pang Keng Hoon, sa-orang tawkey kedai di-Muara sa-bagai derma persendirian; derma kedua sa-ba-

nyak \$120.00 di-terima melalui sapuchok surat dari Bendahari Persatuan Drama Amacher Negeri Brunei sa-bagai sumbangan kali kedua-nya dan derma ketiga sa-banyak \$118.60 dari Guru Besar Sekolah Melayu Gadong yang di-sampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof.

Awang Pang Keng Hoon sa-waktu menyampaikan derma tersebut telah menyatakan bahawa derma beliau itu di-sumbangkan dengan perasaan tulus ikhlas untuk menjun-jong titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai hasrat Baginda bagi membina stadium yang di-sebutkan dan seterusnya menyem-bahkan ta'at setia-nya kepada Bagin-da.

Tatkala menerima derma terse-but, Yang Berhormat itu telah mengucapkan berbilang2 terima kasih dan memberikan penghargaan yang setinggi2-nya di-atas pe-rasaan Awang Pang Keng Hoon yang dengan tulus ikhlas menjun-jong titah Baginda dan bagitu juga di-atas ingatan yang ikhlas dari

Persatuan Drama Amacher Nege-gi Brunei itu.

Yang Berhormat itu juga mengu-chapkan terima kasih kepada Y.B. Pehin Orang Kaya Udana Laila serta meminta beliau menyampaik-kan terima kasih dan penghargaan kepada Guru Besar Sekolah Mela-yu Gadong di-atas usaha sekolah itu untuk bersama2 menjayk-an perkara yang berkebakikan itu.

Yang Berhormat itu seterusnya berharap langkah yang sa-demi-kan itu akan menjadi suatu ikutan kepada pehak2 yang lain terutama-nya sekolah2 di-negeri ini.

Juruhebah Radio bukan TV

SA-MINGGU sa-lepas pengumuman iklan, Radio Brunei telah menerima lebih dari sa-ratus permohonan untuk jawatan Juruhebah Sambilan. Sambutan yang di-luar dugaan ini ternyata ada hubungan-nya dengan perkhidmatan Talivishen yang akan datang kerana banyak dari surat2 yang di-terima men-duga bahawa jawatan yang di-perlukan itu untuk Juruhebah Sambilan Talivishen. Ini ada-lah salah. Sebenar-nya Juru-hebah2 Sambilan yang di-iklankan itu di-perlukan untuk per-khidmatan Radio Brunei, bukan untuk Talivishen Brunei.

Tarikh tutup permohonan ia-lah pada 31hb. Januari, 1975.

364 lulus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 364 orang pelajar kelas2 dewasa telah lulus dalam peperiksaan Bahasa Inger-is yang di-anjarkan oleh Ja-batan Pelajaran, Bahagian Pe-lajaran Dewasa.

Peperiksaan itu di-adakan di-18 buah pusat di-seluruh ne-geri pada bulan Disember lalu.

BULAN Muharam telah di-tetapkan oleh umat Islam sa-bagai permulaan perkiraan tahun Hijrah dan dengan menjelang-nya 1hb. Muharam ini berarti kita telah sampai ka-tahun baru 1395 Hijrah dan meninggalkan tahun 1394 Hijrah.

Sebenar-nya dalam bulan Muharam sa-umpama dalam bulan ini ia-itu pada 10 hari-bulan-nya banyak peristiwa2 yang terkandung dalam liputan sejarah Nabi2 dan Rasul2 serta sahabat2 Rasulullah s.a.w. sa-hingga 10 haribulan Muharam itu di-kenal sa-bagai "yaum-ashura" ia-itu Hari Ashura yang mempunyai kelebihan2 tertentu. Hari Ashura itu patut di-peringati dan di-besarkan oleh umat Islam kerana ia-nya merupakan satu tarikh yang terpendang mulia.

Betapa tidak kita katakan patut di-peringati dan di-besarkan kerana menurut sejarah, ada-lah tarikh tersebut satu kemenangan bagi banyak Nabi2 dan Rasul2 terdahulu dan satu kemenangan sahabat2 Nabi Muhammad s.a.w. di-waktu Baginda maseh hidup.

Sa-puloh haribulan Muharam atau 'Hari Ashura' menurut sejarah ada-lah hari yang di-terima Allah taubat Nabi Adam, sa-telah Nabi Allah itu beberapa lama-nya mengharap-kan keampunan Allah, sa-hingga jadi-lah Baginda orang yang suchi.

Pada tarikh tersebut, di-angkat Nabi Idris a.s. ka-tem-pat yang tinggi ia-itu ka-langit, pada tarikh tersebut di-sela-

KHUTBAH JUMA'AT

matkan Allah Nabi Noh a.s. beserta pengikut2-nya dari tufan dan banjir yang maha dah-sat, pada tarikh tersebut di-selamatkan Nabi Ibrahim a.s. dari pembakaran api namrud yang dzalim, pada tarikh tersebut, di-keluarkan Nabi Yusuf a.s. dari penjara. Dan pada tarikh tersebut juga terbelah-nya laut bagi Nabi Musa a.s. dan pengikut2-nya sa-hingga mereka terselamat dari kejaran tentera2 Fir'un yang dzalim. Dan pada tarikh tersebut, tenggelam-nya Raja Fir'un dan orang2-nya kerana di-tangkup-kan kembali laut yang terbelah itu. Dan pada hari itu-lah juga terselamat-nya Nabi Esa a.s. dari kekejaman orang2 Yahudi dan terangkat-nya Baginda ka-langit. Ini-lah antara keterangan2 Nabi dan Rasul2 yang terdahulu dari Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang telah mencapai kesela-matan dan kemenangan masing2 pada Hari Ashura di-dalam bulan Muharam.

Lagi 4 orang masok Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang puak Iban dan sa-orang puak jati Dusun hari Rabu lalu telah memeluk ugama Islam di-hadapan pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Ahmad bin Abdul Razak dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Mereka itu ia-lah Awang Mermat Anak Julong yang memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohammed Jeffri bin Abdullah, Awang Tedong Anak Remang memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd. Effendi bin Abdullah dan Awang Kira bin Muhammed memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Hamdani bin Abdullah.

Sementara itu sa-orang bangsa China, Dayang Mu Nyuk Lan yang berumur 35 tahun hari Rabu lalu telah memeluk ugama Islam di-hadapan pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matseruddin.

Dayang Mu Nyuk Lan memilih nama Islam-nya sa-bagai

Dayang Suraya binte Abdul-lah.

Mereka telah di-hadiahkan kitab2 ugama, sepangadak pakaian, sejadah dan wang tunai yang telah di-sampaikan oleh Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah, Awang Haji Mohd. Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Majlis Ugama Islam.

Awang Mohammed Jeffri telah di-bawa Awang Omar bin Abdullah dari Kampong Lumapas, Awang Mohd. Effendi telah di-bawa oleh Awang Haji Baha bin Nasar dari Kampong Jerudong dan Awang Hamdani telah di-bawa oleh Pengarah Haji Abdullah bin Pengarah Perseh dari Kampong Saba Laut, Bandar Seri Begawan, Brunei.

B.K.B. hendaklah ahli baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebudayaan Brunei, mempelawa belia2 di-negeri ini, terutama yang tinggal di-sekitar Bandar Seri Begawan untuk menjadi ahli Badan tersebut bagi pengambilan peringkat pertama tahun 1975.

Borang2 dan syarat2 untuk memohon menjadi ahli badan tersebut boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan hendaklah di-kembalikan sa-belum atau pada 31hb. Januari ini.

Muharam: Bulan yg mengandongi sejarah perjuangan kaum muslimin yang gilang gemilang

Nabi Salallahu Alaihi Was-salam dan sahabat2 Baginda dalam bulan Muharam itu juga telah mencapai kemenangan besar di-dalam peperangan Baginda menghadapi musuh2 Islam ia-itu dalam peperangan menentang kaum Yahudi. Kemenangan tersebut menyebabkan terhapus-nya pengaruh orang2 Yahudi di-kalangan umat Islam dan musuh2 Islam ketika itu.

Bulan Muharam yang sama2 kita berada di-dalam-nya sekarang ini bukan sahaja tahun baharu Islam, tetapi juga bulan yang mengandongi sejarah perjuangan kaum muslimin yang gilang gemilang. Pada tahun ini kita di-Negeri Brunei Darus Salam sedang dalam peringkat memulakan mencha-pai kemenangan2 yang lebih besar terutama dalam melak-sanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun yang baharu. Maka sudah kena-lah pada masa dan ketika-nya kita menambahkan usaha dan kerja kita menurut kadar keupayaan masing2 pada melibatkan diri dalam pembangunan negara kita.

Mari-lah kita berdo'a semoga di-tahun baharu ini dan tahun2 akan datang kita akan terus menikmati suasana aman tenteram, hidup yang sentiasa makmor dan mendapat ke-redhaan Allah Subhanahu-Wataala.

Lagi kelas Ugama utk mualaf di-tubuhkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menubuhkan tiga buah kelas ugama bagi mualaf2 — dua di-Daerah Temburong dan satu di-Bandar Seri Begawan.

Bagi mualaf2 di-Pekan Bangar, mereka boleh meng-hadiri kelas tersebut pada tiap2 hari Jumaat jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di-Dewan Mesjid Utama Mohammad Salleh semantara sa-buah kelas lagi di-adakan di-Kampung Sumbiling dan Sibut pada tiap2 hari Khamis dari jam 6.30 petang hingga 8.00 malam.

Bagi mualaf2 di-sekitar Bandar Seri Begawan pula kelas akan di-adakan pada tiap2 hari Ahad mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di-Madrassah, Bandar Seri Begawan.

Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait juga telah memulakan kelas yang sama pada minggu lalu.

Kelas tersebut di-adakan pada tiap2 hari Ahad mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di-Dewan Mesjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Langkah Jabatan Hal Ehwal Ugama mengadakan kelas2 tersebut ia-lah bagi memperluaskan dan memperkesakan lagi chara2 pemeliharaan dan pertolongan kepada saudara2 bagi dari segi pelajaran ugama dan kehidupan mereka.

149 lulus pereksa Darjah Enam Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 149 orang penuntut ugama telah lulus dalam peperiksaan Sijil Darjah VI Sekolah Ugama yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Sa-ramai 412 orang penuntut dari 20 buah sekolah Ugama di-negeri ini telah mengambil peperiksaan itu. Peratus yang lulus bersamaan dengan 36%.

Dari jumlah yang lulus itu, tujuh orang mendapat bahagian II; 54 mendapat bahagian III dan 88 orang yang lain-nya di-anggap lulus.

Sambutan Awal Muharam

SENGKURONG. — Satu sambutan awal tahun baru Islam 1395 akan di-adakan di-Mesjid Jame' Sengkurong pada hari Jumaat, 24hb. Januari, 1975 mulai jam 7.30 malam.

Berbagai acara akan di-adakan termasuk bacaan Al-Quran oleh Awang Jumat bin Haji Nayan dan sharahan khas yang akan di-sampaikan oleh Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin akan merasmikan

sambutan itu.

Sambutan itu akan di-akhiri dengan tayangan wayang gambar dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Badan Pene-nangan dan Tabligh yang akan di-adakan di-padang Sekolah Melayu Sengkurong.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22hb. Januari, 1975 hingga ka-hari Selasa 28hb. Januari, 1975 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
22hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-05	5-20	6-35
23hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-05	5-20	6-35
24hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-05	5-20	6-35
25hb. Jan.		12-37	3-58	6-34	7-46	5-05	5-20	6-35
26hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
27hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
28hb. Jan.		12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Keputusan penoh pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei

MAKTAB MELAYU PADUKA
SERI BEGAWAN SULTAN,
JALAN MUARA

Awg. Mohamad/Mohamad bin Haji Usin 1; Azizah bte. Hamid 1; Abd. Razak bin Haji Lampong 1; Ang Hua Lam 3; Abd. Manap bin Benua/Md. Zain 1; Awg. Amit bin Ahmad/Ismail 1; Armah bte. Haji Jais 1; Awg. Suhaili bin Ahim 1; Ak. Suhaili bin Pg. Ali 3; Akau bin Beruang 3.

Bungsu bte. Dullah 1; Bujang bin Asan 3; Dayang Ainah bte. Mazid 3; Dang Teripah bte. Sular 3; Disimah bte. Hambali 3; Dk. Halipah bte. Pg. Duraman 3; Dyg. Bulat bte. Ayum 1; Dayang Saiiah bte. Ibrahim 2; Dayang Hajjah bte. Talip 1; Fatimah bte. Jaludin 1.

Hasnah Hj. Sarkawi 1; Hassan bin Metusin 3; Hashnah bte. Hj. Besar 1; Hasimah bte. Tahiruddin 3; Hanapi bin Kifli 3; Haronli bin Omar 1; Hasnah bte. Kula 1; Hal'fah bte. Jahat 3; Ibrahim bin Md. Noor 1; Janis bte. Ali 3.

Jainap/Noor Zainab bte. Abdul-ladi 1; Jadh bin Tempir 1; Jaayah bte. Bulat 1; Jumat bin Hj. Haraya 3; Kamis bin Karia 1; Koo Nyok Len 1; Kashuri bte. Nyawa 3; Kuntum bte. Lamat 3; Manggang bin Tujoh 3; Mastura bte. Sahadan 2.

Minah bte. Tassan 3; Nasip bin Hj. Malik 1; Nune bin Umar 3; Ramlah Mosley 3; Radiah bte. Abd. Jalil 1; Rosnah bte. Ahmad 3; Sea Kim Eng 1; Sawal bin Hj. Tussin 3; Siambai bte. Kasim 1; Salmah bte. Idris 2; Takong bin Halus 3; Tinggal bte. Bakar 3; Yong Kim Yin 3.

SEKOLAH MENENGAH ARAB HASSANAL BOLKIAH, BRUNEI

Abd. Karim bin Hj. Abd. Rahman 3; Bakar bin Ongsan 1; Julani bin Supian 3; Mataim bin Ahad 2; Md. Saip bin Abas 3; Md. Yunus bin Bolhassan 1; Ramlan bin Md. Daud 1; Serabah bin Abbas 3; Alimah bte. Tudin 3; Aminah bte. Matasim @ Tasim 3.

Amlah bte. Hj. Tengah 3; Anah bte. Saban 3; Apath bte. Sabtu 3; Asimah bte. Haman 3; Asinah bte. Hj. Tamin 3; Dyg. Halimah bte. Awg. Saman 3; Dyg. Luyah bte. Metussin 1; Dyg. Noriah @ Norhani bte. Abd. Wahab 3; Dyg. Rokiah bte. Saidin 3; Fatimah bte. Talip 3.

Halipah bte. Gharif 3; Halimah bte. Hj. Bakri 3; Hinah bte. Saban 3; Hasnah bte. Hj. Apang 1; Maimunah bte. Abd. Rahman 3; Mutiara bte. Md. Jais 3; Nuroh Huda bte. Hj. Ismail 1; Sainah bte. Bakar 1; Saidnah bte. Aman 3; Salmah bte. Kalong 3.

Sinyor bte. Besar 3; Siti Ajar bte. Sidek 3; Siti Norhani bte. Amari 3; Zainab bte. Abu Bakar 2; Zainun bte. Basni 3.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT

Abdullah bin Matahir 3; Ari bin Ismail 3; Azizah bte. Abd. Wahab 3; Boran bin Sadang 3; Brook bin Silow 3; Empara Ak. Dadong 1; Gamagar bin Umar 3; Gayah bte. Karim 3; Heng Jok Eng 2; Juli bin Manai 1.

Karim bin Sukirman 3; Kassim bin Ibrahim 3; Kawi bin Mohamad Nor 3; Kiang bin Yusui 3; Latifah bte. Karim 3; Luang Anak Sulau 3; Mahadi bin Diok 3; Mahani bte. Lani 3; Matusin bin Haji Abas 3; Md. Yasin bin Rosta 3.

Mohd. Jaya bin Abdullah/Seli 3; Muhammed Zaini bin Ibrahim 3; Musa bin Rajap 3; Mustafa bin Bujang 3; Nasip bin Rosli 3; Nawawi bin Basri 3; Nor Rahmat bte. Sidin 3; Nyambong bin Alap 3; Omar bin Peran 3.

Omarali bin Ibrahim 2; Pauji bin Kasmani 3; Pungot bin Murah 3; Ramly bin Teradi 3; Rokiah

BERIKUT ini ialah keputusan penoh pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei yang telah di-adakan pada tahun lalu. Sa-ranai 373 orang calon dari 927 orang yang mengambil pepereksaan itu telah lulus — 61 mendapat bahagian I, 19 mendapat bahagian II dan 293 me-dapat bahagian III.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara telah mengatasi tujuh buah sekolah menengah di-negeri ini dengan mendapat 89.8% kelulusan. Ini di-ikuti oleh Sekolah Menengah Arab Hassanalkiah dengan 70.0%; Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait 53.0%; Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Alam, Seria — 46.2%; Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Baqar — 32.7%; Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong — 34.8% dan Sekolah Menengah Melayu SMJA — 29.5%.

Sementara itu dari 111 orang calon persendirian yang mengambil pepereksaan itu hanya 46 orang sahaja yang lulus ia-itu enam bahagian I, 3 bahagian II dan 37 bahagian III.

bte. Ibrahim 3; Rosnah bte. Abu Bakar 1; Rosni bte. Abdullah 3; Runei bte. Gapor 3; Samsiah bte. Aris 3; Samsiah bte. Sion 3.

Sh. Rokayah bte. Wan Abdul Rahman 1; Zaini bin Momin 3; Zulkefli bin Bidin 3; Hamidon bin Ibrahim 3.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUHAMMAD ALAM, SERIA

Abd. Rahman bin Bujang 3; Airan bin Abang 3; Azari bin Zainal 3; Abdul Rahman bin Ahmad 1; Awg. Amran bin Mohidin 3; Awg. Ibrahim bin Bungsu 3; Dayang bin Tangkaja 3; Hazmi bin Abdullah 3; Ismail bin Ahmad 3; Ibrahim bin Menu-din 3.

Ismail bin Abd. Wahab 3; Kamar/Kamarhan bin Atma 3; Kafli bin Anis 3; Latif bin Madris 3; Minggu bin Duat 3; Mohamad bin Munir 2; Mat Nor bin Bagol 3; Mostapa bin Majid 3; Mohd. Dani bin Ismail 3; Razali bin Jaapar 3.

Roslan bin Hj. Abd. Rahman 3; Razali bin Janai 3; Supawi bin Amit 3; Salleh bin Ghani 3; Yacoub bin Karim 3; Dayang Sata bte. Abang 2; Dyg. Rasnah bte. Aw. Muhammad Noor 3; Farida bte. Md. Rasaini 1; Haryati bte. Mohd. Ali 3; Marim/Meriam bte. Utun 3.

Rabiah bte. Wahab 2; Rosnani bte. Sahari 1; Salamah bte. Liman 3; Sh. Nurdiah bte. Wan Musa 3; Sadiyah/Aidah bte. Janai 3; Sh. Rosnani bte. Wan Ibrahim 3.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG

Ag. Kalong bin Hj. Johar 3; Ali Hassan bin Sulaiman 3; Aisha Abu Bakar 3; Benging bin Tagal 1; Jemut bin Seh 2; Jigan Anak Inin 2; Jolut/Omar bin Bidin 1; Jonlita Anak Mingan 3; Md. Yunus bin Taha 3; Ujan bin Kamis 3.

Yahya bin Mundim 3; Dayang Tiawa bte. Abas 3; Kambur bte. Lee You Thong 3; Masni bte. Liman 3; Mariam bte. Tamin 3; Pek Siok Kin 1; Salmah bte. Yahya 3; Zaliah bte. Janudin 1.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU MUDA HASHIM, TUTONG

Abdul Razak bin Sulaiman 3; Idris bin Mohaidin 3; Amlee bin Nangkai 3; Ali bin Abdullah 3; Bajut Anak Jembu 3; Bagai bin Sigat 3; Bejau bin Jali 3; Budin bin Meringgai 3; Ibrahim bin Ali 3; Julaihi bin Mat Dikir 3.

Johar bin Kamis 3; Jainam bin Yassin 3; Lim Meng Piaw 3; Lim Meng Dong 3; Matussain bin Othman 3; Namok bin Tingkah 1; Osman bin Taii 3; Rosman bin Metussin 3; Simpan bin Nangkai 3; Sumbat bin Masut 3.

Sampai bin Yambang 3; Sablih bin Badar 3; Tinggi Anak Kelai 3; Taha bin Hj. Tinggal 3; Yaping bin Manah 3; D. Aisah bte. Kassim 3; Abd. Rahim bin Alias 3; Ak. Hashim bin Pg. Othman 3; Ak. Husaini bin Pg. Suhaili 3; Alian bin Lim Beng Guan 3.

Auyui bin Kumpoh 3; Awg. Adros bin Bahari 3; Awang Tengah bin Jumat 3; Channip bin Tarang 1; Galau Anak Rebok 3; Gimbai bin Yaakub 3; Gustin bin Murai 3; Hussain bin Ibrahim 3;

Imbu bin Taris 1; Jaludin bin Hj. Abd. Salam 3.

Ladi bin Sabtu 3; Lumpat bin Lihat 3; Mahari bin Hassan 2; Marsal bin Sabli 3; Md. Yusop bin Ali 2; Saptu bin Mohamad 3; Sawal bin Mat Jerah 3; Yahya bin Ahmad 3; Yakop bin Abg. Hj. Ghazalli 3; Yong Siang Ching 3.

Dk. Azizah bte. Pg. Arsad 3; Dk. Halimah bte. Pg. Metussin 3; Fatimah bte. Md. Yassin 3; Jainah bte. Ghani 3; Lipah bte. Marak 3; Maliah bte. Manai 3; Noraine bte. Jumat 3; Rahmah bte. Saman 3; Sanam bte. Yuntun 1; Siti Sharah bte. Abdul Aziz 3; Zauyah bte. Mahali 3; Sapiah bte. Sulaiman 3.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU S.M.J.A., BANDAR SERI BEGAWAN

Adi bin Jumat 3; Abdul Manaf bin Muhammad 3; Abd. Wahab bin Timbang 3; Amat bin Saleh 3; Abdul bin Abd. Rahman 3; Awg. Mohd Tahir bin Omar 1; Abdullah/Dollah bin Hj. Kamis 1; Abd. Rahman bin Lamat 3; Ak. Abd. Rahman bin Pg. Omar 3; Ak. Salleh bin Pg. Tengah 3.

Ak. Tejuddin bin Pg. Hj. Yusoff 3; Awangku Johani bin Pg. Pungut 3; Bujang bin Hj. Bangkok 3; Bakar bin Kadir 3; Hamzah bin Md. Sidek 3; Hanapih bin Abu Bakar 3; Haji Zakaria bin POKPDR Hj. Ali 3; Haji Wahid bin Haji Abd. Razak 3; Hassan bin Talip 3; Haji bin Jumat 1.

Ibrahim bin Apang 3; Junaidi bin Hj. Bakar 3; Jabat bin Haji Damit 3; Kunchang bin Tuah 3; Matussin bin Jambol 3; Maidin bin Puteh 3; Marali bin Matzin 3; Mohd. Yusoff bin Ag. Ahmad 3; Medang Anak Lamit/Damit 3; Mohd. Yamin bin Jaafar 3.

Md. Yassin bin Karim 3; Marzuki bin Mohammad 3; Mohd. Yusoff bin Abd. Rahman 1; Mohd. Akil/Akir bin Haji Jumat 1; Mat Daud bin Ibrahim 3; Ramlah bin Salleh 3; Samil/Ismail bin Draman 3; Salleh bin Abdullah 3; Sooni bin Tujoh 1; Sam-suddin bin Abd. Rahman 3.

Satari/Imbo bin Meridum 3; Tamam bin Haji Garif 3; Wasli bin Hj. Metali 3; Zaini bin Duraman 1; Alimah bte. Lang-gong 3; Apsah bte. Salleh 3; Dy. Tiah bte. Yusoff 3; Dayang Tasah bte. Awang Ahmad 1; Dk. Masni bte. Pg. Sulaiman 3; Masni bte. Hj. Abdullah 2.

Mariam bte. Mohammad 3; Noriah bte. Ibrahim 3; Rosni bte. Kilali 3; Sharifah bte. Hj. Makmor 3; Serbanun bte. Hj. Anak 3; Siti bte. Mohammad 3; Zaiton/Zaitunah bte. Jambin 3; Aminah bte. Simpul 3; Asmah bte. Omar 3; Awang Ali bin Bakri 2.

Ainan/Ainin bin Haji Abas 3; Abd. Musa bin Metussin 3; Abd. Karim bin Tussin 3; Abd. Rahman bin Awang Raub 3; Braham bin Duraman 3; Bujang bin Ahmad 3; Damit bin Bakir 1; Denian bin Hj. Ismail 3; Garif bin Amit 3; Hidup bin Mayassin 3.

Jaapar bin Abdullah 3; Jumat bin Hj. Tupok 3; Johari bin Ariff 2; Ludin bin Haji Ampal 3; Md. Yusoff bin Ahmad 3; Metussin bin Haji Salleh 3; Mohd. Salleh bin Daud 2; Nayan bin Yusoff/Usop 3; Omar bin Suhaili 3; Padzil bin Haji Ahmad 3.

Rahman bin Japar 3; Syed Salleh bin Syed Abu Bakar 1; Syed bin Mohammad Nor 3; Sazali bin Abdul Rahman 3; Sapar/Kifley bin Hj. Laji/Bolaji 3; Suhaimin bin Abas 3; Wahab bin Jambol 3; Zaini bin Ibrahim 3; Aisah bte. Mohammad 3; Aisah bte. Haji Murah 2.

Aisah/Aisah bte. Budin 3; Aliah bte. Tahir 3; Aminah bte. Dk. Siti Awa bte. Pg. Bakar 3; Fatimah bte. Ahmad 3; Hjh. Dayang Fatimah bte. Hj. Rasid 1; Ismail bin Hidup 3; Jariah bte. Haji Puit 3; Juma'at bin Gandor 3; Mohd. Salleh bin Haji Omar 3.

Misiah bte. Mohtar 3; Norsiah bte. Haji Mohammad 3; Nikmah bte. Hassan 2; Pg. Abd. Latif bin Pg. Tajudin 3; Pgh. Omarali bin PTH Hj. Tengah 3; Rasidah bte. A. Matnor 3; Saleha bte. Abu Bakar 3; Sulaiman bin Yaakub 3; Simpul bin Laina 1; Simadi bin Misir 3; Sufiani bte. Awg. Sulaiman 1; Tahir bin Pudin 1; Abd. Rahman bin Awg. Damit 3.

Maimunah bte. Yusoff 3; Masni bte. Saban 3; Mariam bte. Ahmad 3; Mariah bte. Hj. Ibrahim 3; Normah bte. Abu Bakar 3; Norma bte. Awg. Latif 3; Naik bte. Galau 3; Rosni bte. Ahmad 1; Rosnah bte. Jeruddin 3; Rosnah bte. Mohammad 3.

Rauyah bte. Mohidin 3; Saadiah bte. Lai 3; Siti Intan bte. Tinggal 2; Siti Fatimah bte. Hj. Hidup 3; Tomari bte. Sumari 1; Usnah bte. Nayan 3; Zeniah/Zainah bte. Metassim 3.

CHALUN PERSENDIRIAN, TEMBURONG

Pungot bin Murang 3.

CHALUN PERSENDIRIAN, SERIA

Bujang bin Sanai @ Ismail Abdullah 3; Mahani bte. Hj. Ladis 3; Mulok bin Haji Pandin 3; Pg. Damit bin Pg. Bungsu 3; Rahmah bte. Haji Jaludin 3; Saidah bte. Hj. Abdul Rahman 3; Zahara bte. Haji Abd. Hamid 3; Zaimah bte. Md. Noor 3; Zakaria bin Angsa/Abdullah 3; Ranik bte. Banchuan 3.

CHALUN PERSENDIRIAN, TUTONG

Owek bin Agol 1.

CHALUN PERSENDIRIAN, BANDAR SERI BEGAWAN

Abd. Salam bin A. Jual 1; Abd. Hamid bin Hj. Nudin 3; Abd. Razak bin Idris 3; A. Tuah bin Hj. Mohd. Noor 2; Ajijah @ Azizah bte. Haji Bagol 2; Awg. Sawas bin Jebat 3; Dy. Maimunah/Halimah bte. Abdullah 3; Dayang Timidah bte. Yaakub 3; Dayang Zainab bte. Bakar 3; Dk. Saifah bte. Pg. Wahid 3.

Dk. Mastonah Pg. Ahmad 3; Dk. Saleha bte. Pg. Umar 3; Dy. Norsam bte. Haji Yahya 1; Dk. Siti Awa bte. Pg. Bakar 3; Fatimah bte. Ahmad 3; Hjh. Dayang Fatimah bte. Hj. Rasid 1; Ismail bin Hidup 3; Jariah bte. Haji Puit 3; Juma'at bin Gandor 3; Mohd. Salleh bin Haji Omar 3.

Misiah bte. Mohtar 3; Norsiah bte. Haji Mohammad 3; Nikmah bte. Hassan 2; Pg. Abd. Latif bin Pg. Tajudin 3; Pgh. Omarali bin PTH Hj. Tengah 3; Rasidah bte. A. Matnor 3; Saleha bte. Abu Bakar 3; Sulaiman bin Yaakub 3; Simpul bin Laina 1; Simadi bin Misir 3; Sufiani bte. Awg. Sulaiman 1; Tahir bin Pudin 1; Abd. Rahman bin Awg. Damit 3.

Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA No. 121/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak. Haji Bungsu bin Pg. Hj. Damit, d/a No. 55, Kg. Tilong, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg. Haji Damit bin Pg. Durait yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 122/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nori bte. Barahim, d/a No. 16, Kg. Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ibrahim bin Untong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 123/1974.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Buntar bte. Saidi, d/a No. 48, Kg. Kapok, Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Saidi bin Daim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 1/1975.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Maidin bin Untak, d/a Kg. Sultan Lama, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Radiah bte. Mohd. Hassan yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 2/1975.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abd. Lakim bin Hj. Md. Yassin, d/a No. F.18, Kg. Jaya Setia, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Mat Yassin bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 3/1975.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abd. Hamid bin Ismail, d/a Pejabat Daerah, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Jamahat yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri

Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

SURAT KUASA PESAKA No. 4/1975.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Md. Salleh bin Duraman, d/a Kg. Menunggol, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamudin bin Abdul Rahman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri-bahawa seperti tersebut di atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 haribulan Januari, 1975, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan per-bicarakan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sa-siapa berhajat hendak mem-bantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 16 harbulan Januari, 1975.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pegawai Imigeresen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memohon jawatan2 Pegawai Imigeresen di-Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Chalu2 yang di-lante2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalu2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$290x10-350x15-440-490x25-615/EB/670x20-790. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan bersama dengan surat2 lewat dari 26hb. Februari, 1975.

Di-Jabatan Kemajuan Kerjasama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memohon jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

1. PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA:

Kelayakan2:

Pemohon mesti-lah mempunyai Sijil dari Maktab Kerjasama, Loughborough, England dan pengalaman yang luas dalam kerja2 mengembangkan kegiatan Kerjasama dan dalam menubuhkan sharikat2 kerjasama. Kebolehan untuk mengawal kakitangan dan mengatorkan jadual kerja adalah perlu.

Tugas2:

Pemegang jawatan ini akan menyelia Penyelia2 Kerjasama dalam menjalankan tugas2 mereka di-luar pejabat, dan menguruskan sharikat2 kerjasama termasuklah menjalankan pemereksaan dan penyiasatan dari semua ka-sesama yang tertentu. Dia mesti-lah bersedia untuk pergi ka-kawasan2 pendalaman dan kadangkala bekerja di-luar masa kerja yang biasa. Dia akan bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama untuk melatoh penyelia2 yang baru berkhidmat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B. 2 — \$1290x50-1590x60-2130. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELIA KANAN KERJASAMA:

Kelayakan2:

Pemohon2 tidak semesti-nya mempunyai kelulusan iktisat tetapi mereka yang mempunyai Sijil Peperiksaan Intermediate dari sa-sebuah Accounting Institute yang di-ikraf merupakan suatu kelebihan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal dalam kerja2 odit oleh kerana ini akan membolehkan mereka memereksa kira2 sharikat2 kerjasama dan menyediakan laporan.

SA-BAGAI PENYELANGGARA SETOR

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berke-ayaan yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

1. PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II:

Kelayakan2 dan pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III dalam Sekolah Menengah Inggeris atau Melayu atau pun mempunyai kelulusan yang sebanding. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat markah lulus dalam Bahasa Inggeris.
- Pengetahuan bahasa Inggeris adalah perlu oleh kerana pemohon yang berjaya di-kehendaki membaca dan mengerti dalam bahasa Inggeris kandungan Senarai Bahagian2 Pengganti bagi Injin2 Marine Compression Ignition dan Senarai Barang2 bagi perkakas2 dan alat2 kapal.
- Pemohon2 mesti-lah mem-

punyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam kerja2 menaja2 setor, yang mana sa-bahagian daripadanya mesti-lah merupakan pengaaman dalam menguruskan simpanan barang2 kejuruteraan ringan dan bahagian pengganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB. 3 — \$350x15 - 440/EB/490x25 - 615. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENYELANGGARA SETOR TINGKAT III:

Kelayakan2 dan pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II dalam Sekolah Menengah Inggeris atau Melayu, atau pun mempunyai kelulusan yang sebanding.
- Pengetahuan bahasa Inggeris adalah di-kehendaki oleh kerana pemohon yang berjaya di-kehendaki membaca dan mengerti dalam bahasa Inggeris kandungan Senarai Bahagian2 Pengganti bagi Injin2 Marine Comp-

ression Ignition dan Senarai Barang2 bagi perkakas2 dan alat2 kapal.

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman dalam penyelenggara setor. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan dalam kerja2 menyimpan barang2 kejuruteraan ringan dan bahagian pengganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$280x10-350/EB/360x10-410. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 19hb. Februari, 1975.

Jualan Lelong

Dengan ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang2 yang tidak bertujuan untuk di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Khamis 23hb. Januari, 1975 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Balai Polis, Brunei:—

Bil BUTIR2 KETERANGAN

- Satu Kerusang Emas
- Satu buah Vespa Motor Scooter

Penangkap2 lelong yang berjaya hendaklah membayar dengan tunai dan seterusnya memindahkan barang2 itu sa-baik2 saja selepas selesai di-jalankan. Jika barang2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut wang yang telah di-bayar tidak akan di-balekan dan barang2 itu akan di-lelong semula.

Dengan ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi kenderaan2 yang di-sebutkan di-bawah ini akan di-adakan di-kawasan J.K.R. Berakas Deport., Brunei pada hari Sabtu 25hb. Januari, 1975 mulai jam 9.00 pagi:

Bil Bil Daftar Jenis Kereta.

- BG. 1894 Austin 3 ton truck
- BG. 713 Thames trader LWB truck
- BG. 695 Thames trader LWB truck
- BG. 687 Thames trader LWB truck
- BG. 673 Thames trader LWB truck
- BG. 694 Thames trader LWB truck
- BG. 681 Thames trader LWB truck
- BG. 536 Bedford LWB truck
- BG. 504 Land Rover 88" WB.

Penangkap2 lelong yang berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan tunai dan seterusnya memindahkan kenderaan2 tersebut tidak lewat tujuh hari sa-sudah tarikh lelong di-adakan. Dia juga di-kehendaki membayar chukai Kastam.

Jika kereta2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh yang di-tetapkan, wang yang telah di-bayar tidak boleh di-tebus balek kereta2 itu akan di-lelong semula.

Kaki tangan2 Jabatan Kerja Raya tidak-lah di-benarkan membeli jentera2 itu.

Merinyu J.H.E.U.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan2 Merinyu Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada Orang Melayu beragama Islam dan berumur di-antara 20 hingga 35 tahun.
- Mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran dengan sharat lulus dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus Darjah VI Sekolah Ugama Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 3 — \$360x10-410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 permohonan ini satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb. Februari, 1975.

Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohon jawatan2 Pembantu Teknik di-Jabatan Elektrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus peperiksaan Intermediate City dan Guilds dalam Electrical Installation & Practice dan mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman setelah tamat Sekolah Pertukangan, dengan sa-sebuah Jabatan Kerajaan atau dengan para pemborong.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya lap-lap tahun pengalaman dalam kerja2 membaiki dan memelihara berbagai2 jenis alat2 elektrik.

Tugas2:

Bertanggung jawab kepada penyelenggara dan membaiki Alat2 Jurutera yang menguasai kerja2 Listrik di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$290x10 - 350x15 - 440-490x25-615/EB/670x20-790.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb. Februari, 1975.

Jawatan kosong:

Penjaga / Pemberseh Tadika PGGMB

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memohon jawatan kosong sa-bagai Penjaga/Pemberseh di-Sekolah TADIKTA Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Pemohon2 hendaklah pandai menulis dan membaca dan berumur di-antara 25 hingga 45 tahun. Keutamaan akan di-beri kepada pasangan suami isteri.

Gaji bagi jawatan2 ini adalah berdasarkan tangga gaji Kerajaan. Tempat tinggal juga di-sediakan.

Permohonan2 hendaklah sampai kepada Setia Usaha PGGMB. Peti Surat 2230, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 26hb. Januari, 1975.

Matalamat pergerakan pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengakap Negeri Brunei telah membentangkan beberapa matalamat pergerakan-nya yang akan mula di-laksanakan dalam sa-panjang tahun 1975 dan tahun2 berikutnya.

Keseluruhan matalamat yang di-rusun itu ada-lah bertujuan untuk menguat dan menimbulkan semangat yang baru bagi menarik minat dan mencher-gaskan lagi pergerakan pengakap di-negeri ini.

Yang Di-Pertua Persatuan Pengakap Negeri, Awang Haji Ali bin Haji Daud dalam majlis perjumpaan yang di-anjor-

kan oleh Jabatan Kebajikan, Beliau dan Sukan di-Dewan Kuliaah Jabatan Perikanan pada hari Sabtu lepas telah membentangkan matalamat2 itu yang sa-bahagian besar-nya ialah mengenai dengan penyusunan latehan kelayakan guru2 pengakap dan chadangan mengadakan satu perkhemahan kebangsaan yang akan di-hadiri oleh pengakap2 dari luar negeri.

Sa-lain dari meneruskan galakan2 menghadiri jambori pengakap di-seluruh dunia, matalamat itu juga mementingkan beberapa penguasaan yang perlu bagi menyempurnakan

sa-tiap gerakan yang di-buat supaya tidak akan terkeluar dari undang2 persatuan dan undang2 pengakap yang di-du-ong oleh seluruh pengakap di-dunia.

Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Shahbudin bin Saleh antara lain telah menimbulkan mengenai dengan pengawalan Bangunan Persatuan Pengakap di-Jalan Gadong.

Dalam perjumpaan yang di-hadiri sama oleh Pengarah Kebajikan, Beliau dan Sukan itu, beliau mengemukakan rayuan-nya supaya pehak Kerajaan akan dapat meng-ikhtiarkan untuk memagar sa-takat sekitar kompleks bangunan2 pengakap di-situ demi untuk mengelakkan dari menjadi tumpuan perbuatan2 yang tidak di-ingini.

Pengarah Kebajikan, Beliau dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila, Dato Setia Awang Hussain ketika memberikan kesimpulan dalam perjumpaan itu telah menyeru seluruh ahli2 persatuan pengakap supaya melipat-gandakan usaha2 mereka, khas-nya dalam gerakan2 kemasharakatan dan menamb-ahkan kewangan mereka.

Kerajaan, kata-nya, telah menyumbangkan bantuan tahunan sa-jumlah \$4,00.00 untuk memajukan gerakan pengakap dan untuk menambahkan kewangan itu perlu-lah di-adakan kegiatan2 seperti mengad-akan minggu pengakap, sama ada peringkat daerah atau pun peringkat negeri.

Walau-macham-mana pun beliau akan chuba masaalah2 yang di-hadapkan itu.

Keadaan burok mendesak mereka utk pulang

(Dari muka 1)

bawa keluarga-nya ka-Kampung Pandam berdekatan dengan sempadan Sarawak di-mana beliau di-bantu menyeberangi sungai dengan perahu.

"Setiba-nya kami di-Limbang kami telah di-bawa oleh ka-khemah di-mana orang2 lain yang dari dari Limbang tinggal.

"Tempat itu ia-lah sa-buah khemah lama yang di-gunakan oleh Border Scout dan dalam keadaan yang burok. Atap-nya buchor dan tidak mempunyai bilek2 yang tertentu. Kami terpaksa membuat ruang2 sendiri bagi keselesaan kami.

"Hanya terdapat sa-buah bilek mandi bagi 89 orang dan dua buah tandas. Kadang2 kami terpaksa menunggu sa-lama empat jam hingga pukul 10.00 pagi untuk mendapatkan ayer.

"Apabila kami tiba, kami dapati orang2 yang tiba di-sana beberapa hari terdahulu sa-belum itu juga tidak merasa senang dengan keadaan di-sana. Mereka ingin kembali ka-Brunei, tetapi takut di-tahan oleh pehak berkuasa Sarawak atau di-tangkap apabila kembali ka-Brunei."

Che'gu Mahmud berkata, beliau kemudian telah memutuskan untuk pulang ka-Brunei apabila membaca berita dalam akhbar Borneo Bulletin yang menyatakan bahawa Ramli Omar juga sa-orang guru telah pulang ka-Brunei dan bukan saja tidak di-tangkap, tetapi telah di-terima bekerja semula oleh Jabatan Pelajaran.

"Berita tersebut telah banyak di-binchangkan oleh orang2 yang berada di-khemah itu. Kebanyakan tidak tahu samada untuk memperchayai-nya atau tidak. Saya yakin apabila mereka menyedari yang saya tidak di-tangkap, tebeh banyak lagi dari mereka akan pulang ka-Lumapas.

"Ada-lah lebeh baik mati di-tempat sendiri dari tinggal di-tempat lain.

"Kapada mereka yang maseh berada di-Limbang melalui akhbar ini saya ingin menyampaikan pesan bahawa saya berharap mereka akan kembali ka-rumah masing2. Saya merasa gembira yang saya telah pulang bersama keluarga saya dan berharap mereka juga akan berbuat demikian. Saya per-chaya apabila tiba di-Brunei mereka tidak akan di-tangkap.

"Apabila mereka kembali nanti saya berharap mereka akan meneruskan penghidupan seperti biasa, menunjukkan ta'at setia mereka kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan membina sa-buah masharakat yang baik di-kampung itu."

Che'gu Mahmud berkata bahawa sa-lain daripada merasa rindu akan kampung halaman, rasa bosan juga ada-lah satu tekanan yang

mendesak mereka pulang ka-Brunei.

Hanya sembilan orang sahaja dari kaum lelaki di-khemah itu mendapat pekerjaan sa-bagai buroh dan yang lain-nya hanya tinggal di-khemah tanpa membuat satu2 pekerjaan.

Sa-hingga bulan Oktober, orang2 di-khemah itu di-berikan alau sa-banyak \$2.00 sa-hari untuk membeli makanan. Sejak bulan itu juga mereka terpaksa berhutang di-sebuah kedai di-sana untuk membeli makanan.

Che'gu Mahmud berkata bahawa beliau telah meninggalkan sa-buah rumah dan peti talivishen di-Lumapas. Harta benda orang2 lain yang juga melarikan diri telah di-jaga oleh jiran2 yang berdekatan.

Kata-nya beliau sekarang menyedari bahawa Kerajaan Brunei mengambil perhatian terhadap rayuan-nya dan jika beliau menjumpai sa-siapa dari penduduk kampung itu yang maseh berada di-Limbang, beliau akan memujuk mereka supaya pulang ka-Brunei.

Penuntut2 pertukangan berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 16 orang bekas penuntut Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait dan Sekolah Pertukangan Bahagian Bangunan, Jalan Muara akan berlepas ka-England esok, 23hb. Januari untuk mengikuti kursus di-sana atas biasiswa Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran Brunei.

Mereka ia-lah Awang Ali Rahman bin Mahmud, Awang Mohamad Wahid bin Mundus, Awangku Kamis bin Pengiran Metali, Awang Abdul Aziz bin Mohammad Said, Awang Zakaria bin Jaafar, Awang Alimin bin Ismail, Awang Mohammad Tahir bin Haji Kula, Awang Osman bin Salim, Awang Zamikhan bin Haji Alikhan, Awang Yusof bin Haji Munaf, Awang Mohammad bin Abu Bakar, Awang Suhaimi bin Haji Abas, Awang Mohammad Hussain bin Besar, Awang Untong bin Haji Nordin, Awang Amlin bin Mohammad Yusof dan Awang Mohammad Ali bin Suhaili.

Sementara itu sa-orang lagi bekas penuntut Sekolah Pertukangan Kejuruteraan Kuala Belait, Corporal Awangku Idrus bin Pengiran Haji Mahmud juga akan berlepas ka-

England esok untuk mengikuti kursus yang sama, atas biasiswa Askar Melayu Diraja Brunei.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pelajaran Brunei berkata, mereka akan menjalani kursus bahasa Inggeris sa-lama 6 bulan di-Regency School of English, Ramsgate, England dan kemudian akan menyambung kursus Teknikal sa-lama lebeh kurang tiga tahun. Sa-lepas itu mereka akan meneruskan lagi pengajian sa-lama sa-tahun di-Teknikal Training College ia-itu di-Bolton College of Education di-mana mereka seterusnya akan mengambil peperiksaan City and Guilds of London Institute Arts and Crafts Certificate.

Meshuarat Agong PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Meshuarat Agong Persatuan Kampung Saba, PERKASA, akan di-adakan di-Dewan Bangunan Perkasa pada hari Ahad 26hb. Januari mulai jam 8.00 pagi.

Pengarah Kebajikan, Beliau dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohamad Yusof, selaku wakil peribadi Yang Berhormat Setia



Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa (kanan) ketika mengalu2kan ketibaan Awang J.A. Davidson di-lapanganterbang Antarabangsa Brunei pada hari Sabtu lalu.

P'jaya Tinggi British yg baru tiba

BERAKAS. — Tuan Yang Ter-utama Pesuruhjaya Tinggi British ka-Brunei yang baru, Awang James Alfred Davidson telah tiba di-Brunei pada hari Sabtu lalu.

Awang Davidson bekas Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di-Dacca telah di-lantek bagi menggantikan Dato Laila Utama Peter Gautrey yang telah mena-

matkan tempoh perkhidmatan-nya sa-lama tiga tahun di-negeri ini.

Beliau tiba dengan menaiki kapalterbang Sharikat Penerbangan Singapura.

Sa-jurus sa-lepas ketibaan-nya, Awang Davidson telah memereksa satu perbarisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Beliau telah di-sambut di-lapanganterbang Antarabangsa Brunei oleh Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim; Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar dan pegawai2 kanan2 Kerajaan.

Tamat tempoh perkhidmatan

(Dari muka 1)

Majlis tersebut juga di-hadiri oleh kerabat2 Diraja serta pembesar2 negara yang lain-nya.

Dato Laila Utama Peter Gautrey telah berlepas meninggalkan Brunei pada hari Khamis lalu.

Sa-jurus sa-belum bertolak Dato Laila Utama Peter Gautrey telah memereksa perbarisan kehormatan yang di-ambil bahagian oleh sa-pasokan yang terdiri dari Askar Melayu Diraja Brunei.

Berada di-lapangan terbang untuk menguchapkan selamat belayar kapada Dato Laila Utama Peter Gautrey dan Datin Gautrey ia-lah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim; Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar; Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Dua lagi akan berkursus

(Dari muka 5)

yang akan di-tayangkan sa-masa pancharan perchubuan TV Brunei pada awal bulan Mach tahun ini.

Awang Hussin telah bertolak ka-Singapura pada hari Ahad, 29hb. Disember lalu untuk mengikuti kursus di-Radio dan Talivishen Singapura sa-lama sa-bulan dan beliau akan balek ka-Brunei sa-belum pamancharan perchubuan TV Brunei di-lakukan bersama2 lima orang pegawai teknik yang pada masa ini berada di-Radio dan TV Singapura.

Dua orang lagi, pegawai dari Film Unit akan di-hantar oleh Kerajaan mengikuti kursus sa-lama dua bulan di-Radio dan TV Singapura. Mereka ia-lah Awang Yacob bin Haji Sunny, Penyunting Film dan Awang Sulaiman bin Haji Mohd. Salleh, Penolong Juru Gambar film. Mereka di-jadualkan bertolak ka-Singapura pada 2hb. Februari depan.